

UMP anjur program bahasa asing

KUANTAN 1 Ogos - Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menganjurkan program Language Evaganza pada 6 hingga 11 Ogos di universiti itu di Jalan Gambang di sini.

Program bertemakan *Komunikasi Melalui Kreativiti dan Teknologi* selain memberi kemahiran, ia juga menyediakan satu platform kepada para pelajar untuk mengaplikasikan segala apa yang dipelajari dalam bentuk yang lebih menarik dan kondusif.

Pengarah Projek Language Evaganza, Zuraina Ali berkata, program itu terbuka kepada semua pelajar dari institusi pengajian tinggi dan kolej di negeri ini.

Katanya, program itu membabitkan bahasa Inggeris, Jepun, Jerman, Arab dan Mandarin di mana para pelajar yang mengikutinya akan didedahkan dengan pelbagai aktiviti menarik untuk memudahkan kefahaman mereka.

"Selain itu, para pelajar juga berpeluang menggunakan kemahiran seperti aspek kepimpinan, bekerjasama, berkomunikasi yang dipelajari selama ini," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Katanya, pelbagai acara menarik turut disusun dalam program itu seperti ceramah kerjaya, bengkel korporat, bengkel dan pertandingan scrabble, drama, choral speaking dan pertandingan bercerita serta Explore 2007.

Mereka yang berminat menyertai program ini boleh mendapatkan keterangan lanjut dengan menghubungi Bahagian Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Korporat UMP menerusi 09-549-2620.